

Bil. 5 63

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))

PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2016/2017) (BIL. 5), 2017

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 12/2017) bertarikh 26 haribulan Januari 2017 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat bilion, sembilan ratus juta ringgit (\$4,900,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2016/2017), 2016 (Akta 1 tahun 2016).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang sembilan juta, tiga ratus tujuh puluh empat ribu, empat ratus sembilan puluh tiga ringgit (\$9,374,493.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 1), 2017 (S 38/2017).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat belas juta, tiga ratus tujuh belas ribu, tujuh ratus dua puluh empat ringgit dua puluh tujuh sen (\$14,317,724.27) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 2), 2017 (S 39/2017).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang satu ratus lima puluh lima juta, lima ratus dua puluh sembilan ribu, tiga ratus tiga puluh dua ringgit dua puluh tujuh sen (\$155,529,332.27) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 3), 2017 (S 40/2017).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat juta, tujuh ratus empat puluh tiga ribu, tiga ratus sembilan puluh sembilan ringgit (\$4,743,399.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 4), 2017 (S 41/2017).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak dua ratus dua belas juta, empat ratus tiga puluh dua ribu, empat ratus sepuluh ringgit (\$212,432,410.00).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) [Bil. 5], 2017.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2016/2017 dan peruntukan

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus dua belas juta, empat ratus tiga puluh dua ribu, empat ratus sepuluh ringgit (\$212,432,410.00) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2016/2017, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2016/2017), 2016 (Akta 1 tahun 2016), Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 1), 2017 (S 38/2017), Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 2), 2017 (S 39/2017), Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 3), 2017 (S 40/2017) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2016/2017) (Bil. 4), 2017 (S 41/2017), adalah dengan ini dibenarkan.

- (2) Bagi maksud-maksud ceraian [1], jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

JADUAL

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
JABATAN PERDANA MENTERI		
SA07A	Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat	\$771,493.00
SA08A	Radio Televisyen Brunei	\$5,000,000.00

JADUAL (Sambungan)

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
SA14A	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$240,000.000
SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$36,723,477.00
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan	\$25,844,800.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN	
SC01A	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan	\$7,554,187.00
	KEMENTERIAN KEWANGAN	
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$78,417,528.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	
SE12A	Jabatan Bomba dan Penyelamat	\$750,000.00
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
SF01A	Kementerian Pendidikan	\$22,180,976.00
	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	
SJ01A	Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$1,415,453.00
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	
SK06A	Jabatan Tanah	\$226,444.00
SK08A	Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi	\$3,596,241.00
	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	
SL02A	Dewan Bahasa dan Pustaka	\$1,817,386.00
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
SM01A	Kementerian Kesihatan	\$27,569,213.00

JADUAL (Sambungan)

<i>Tajuk perbelanjaan</i>	<i>Gelaran</i>	<i>Jumlah wang yang diperuntukkan</i>
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN		
SN06A	Jabatan Perkhidmatan Pos	\$325,212.00
		<u>\$212,432,410.00</u>

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 10 haribulan Ogos, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM